

# Sultan Ibrahim dapat pujian rakyat

**KUALA LUMPUR 11 Jan.** - Rata-rata warganet memuji Sultan Johor, Sultan Ibrahim Sultan Iskandar yang mencemar duli memandu sendiri kereta jenis Proton Saga sambil membawa Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad selepas pertemuan kedua-duanya di Istana Bukit Serene, semalam.

Tindakan itu disifatkan sebagai simbolik kepada penyatuan kedua-dua pemimpin itu walaupun ada suara-suara sebelum ini mendakwa kononnya Sultan Ibrahim dan Dr. Mahathir tidak mempunyai hubungan baik.

Seorang warganet yang dikenali sebagai **Rien Manje** berkata, kemesraan itu yang ingin dilihat

daripada kedua-duanya dan berharap rakyat berhenti daripada terus melaga-lagakan Sultan Ibrahim dan Dr. Mahathir.

"Alhamdulillah, ini yang kami sebagai rakyat mahukan. Orang ramai tidak sepatutnya melaga-lagakan kalian berdua," katanya.

Sementara itu, **Muhammad Latiff Putra** pula mengucapkan tahniah kepada kedua-dua pemimpin itu kerana dapat bertemu buat kali pertama selepas pilihan raya.

"Akhirnya, mereka bersatu. Yang lepas jangan dikenang-kenang lagi. Bina keakraban yang lebih erat selepas ini. Insya-Allah," ujarnya.

Seorang lagi warganet, **Wan Zaeem** memuji tindakan Sultan

Johor itu menyantuni Dr. Mahathir selepas pertemuan empat mata dua pemimpin itu.

**Mohd. Thalha Abu Bakar** pula meminta rakyat berhenti menjadi batu api dengan tidak membuat spekulasi yang bukan-bukan berkaitan pertemuan semalam kerana melalui gambar itu sahaja sudah memperlihatkan keakraban mereka.

Sementara itu, seorang pengguna media sosial, **Jaliluddin Md. Tahir** menulis, gambar itu merupakan simbolik Sultan Ibrahim menunjukkan rasa hormat kepada Dr. Mahathir yang merupakan pencetus idea kepada terciptanya kereta nasional pertama itu.